



## SIARAN MEDIA YAYASAN INOVASI MALAYSIA (YIM)

---

### KONVENSYEN INOVASI SOSIAL 2023: MEMPERKUKUHKAN PENYELESAIAN INOVATIF UNTUK MASA HADAPAN NEGARA YANG LEBIH BAIK

---

**KUALA LUMPUR, 04 JULAI 2023** – Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah memberikan mandat kepada Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) sebagai Agensi Pelaksana Inisiatif Inovasi Sosial bermula pada tahun 2021. Melalui inisiatif ini, 5,000 sukarelawan akan dikenal pasti, 5,000 projek inovasi sosial akan dibangunkan dan 500 projek inovasi bakal direplikasi dan dikomersialkan.

Konvensyen Inovasi Sosial (KIS) 2023, buat julung kalinya dianjurkan bertujuan untuk menghimpun para pemikir, inovator dan profesional dalam bidang inovasi sosial yang berlangsung selama tiga hari bermula 4 hingga 6 Julai 2023 bertempat di Menara MARA, Kuala Lumpur. Di samping itu, KIS 2023 juga dapat meningkatkan kolaborasi dan memperkukuh penyelesaian yang lebih berinovatif dalam mengatasi cabaran sosial yang dihadapi negara pada masa kini.

KIS 2023 menjadi platform yang menghubungkan para inovator sosial untuk berkongsi idea, pengetahuan dan pengalaman yang dapat mendorong transformasi sosial secara berterusan.

Majlis ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Arthur Joseph Kurup, Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi. Di dalam ucapannya, YB Datuk Arthur berkata, “..Bagi menyemarakkan lagi inisiatif MyIS pada tahun 2023, MOSTI melalui YIM mengiktiraf pencapaian cemerlang para inovator melalui platform sebegini.”

Dengan adanya program seperti ini, ia sekaligus dapat menggalakkan rakyat berinovasi melalui kerjasama secara *Quintuple Helix* melibatkan Kerajaan, Industri, Akademia dan Masyarakat dengan tidak mengabaikan elemen Alam Sekitar.

Selain itu, inisiatif ini turut mengiktiraf para inovator sosial di Malaysia dalam penghasilan inovasi tempatan yang berasaskan Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi (STIE) bermatlamatkan kesejahteraan masyarakat dan pembangunan mampan.”

Sepanjang tiga hari ini, KIS 2023 mensasarkan kunjungan seramai 1,000 orang daripada pelbagai latar belakang, penglibatan 150 inovator dari seluruh negara dan juga tiga penceramah antarabangsa daripada India dan Filipina untuk membincangkan idea-idea yang boleh diketengahkan dalam usaha untuk menjayakan inisiatif inovasi sosial di Malaysia.

Konvensyen ini juga merupakan antara medium penting kepada MOSTI dalam usaha mempromosikan Inisiatif Inovasi Sosial sebagai salah satu aspek pembangunan STIE yang menyokong pertumbuhan ekonomi negara; mewujudkan bakat inovator sosial yang adaptif dalam pelbagai bidang sains dan teknologi bagi memacu ekonomi negara dan seterusnya menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara berteknologi tinggi menjelang tahun 2030.

Pelbagai program telah dilaksanakan semasa KIS 2023 iaitu:

**Seminar “Road to Entrepreneurial Leadership & Sustainability”** yang merupakan seminar untuk melengkapkan para inovator sebagai Innopreneur Leader STIE di peringkat nasional dan global.

**Social Innovation Future Tech Talent (SHIFT)** yang dijalankan dengan bantuan daripada Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) untuk meningkatkan jumlah inovator mahir yang diiktiraf di Malaysia, dan membantu menambahkan pendapatan bulanan inovator serta dapat mempertingkatkan kesejahteraan hidup mereka.

**Pocket Talk** merupakan perkongsian yang disampaikan oleh pakar inovasi yang terdiri daripada MARA, Athena Empower, Industry 4.0 Entrepreneurs Association of Malaysia (iREAM), YIM dan juga MOSTI sendiri. Selain itu, sesi perkongsian turut dilakukan oleh para inovator YIM yang terpilih iaitu projek:

- **Flexsilk:** Dimana inovator memberi demonstrasi bagi kegunaan mesin Flexible Silkscreen Printing Table yang merupakan mesin percetakan boleh laras dan sesuai untuk digunakan oleh setiap lapisan masyarakat terutamanya golongan kanak-kanak dan Orang Kurang Upaya (OKU).
- **Creativa:** Menerusi produk ini, kita dapat mempelajari cara penggunaan teknologi “augmented reality” untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran di dalam bilik darjah.

**# TAMAT #**

### **Mengenai Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)**

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) telah ditubuhkan pada tahun 2008 di bawah Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi (MOSTI) sebagai agensi peneraju utama Inovasi Sosial dan Akar Umbi di Malaysia. YIM didaftarkan sebagai syarikat terhad mengikut jaminan di bawah Akta Syarikat 1965 di Malaysia dan diiktiraf sebagai organisasi bukan berasaskan keuntungan. Fungsi utama YIM adalah sebagai platform yang mencari, membangun dan memadankan dana pembangunan inovasi dengan rangkaian lebih 6,000 inovator di seluruh negara bagi menggalakkan dan memupuk pembangunan inovasi akar umbi yang berpotensi untuk dikomersialkan di peringkat tempatan mahupun antarabangsa. Ia dilaksanakan melalui pemerksaan kreativiti dan inovasi dengan membangunkan minda inovatif yang mengubah idea menjadi realiti serta mewujudkan sistem sokongan mampan yang boleh menghasilkan faedah ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Untuk mengetahui lebih lanjut, layari laman web Yayasan Inovasi Malaysia (YIM) di [www.yim.my](http://www.yim.my)

#### **Hubungi:**

Yayasan Inovasi Malaysia (YIM)  
Allya Muchaerany Mulyono  
+60 11-3355 5498  
allya@yim.my